

30 SEP 2003

CUACA BAIK SEPANJANG LIMA

LANGKAWI, 30 Sept (Bernama) -- Jabatan Kaji Cuaca meramalkan cuaca baik sepanjang Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) '03 yang bermula hari ini.

Ini membolehkan pelawat menyaksikan pertunjukan udara dengan selesa selama enam hari pameran itu dijalankan.

Menurut jurucakap stesen Kajicuaca Pulau Langkawi, langit diramalkan cerah pada kebanyakan waktu pagi, manakala suhu sepanjang pameran itu dijangka pada paras 24-33 darjah selsius.

Katanya walaupun di sebelah lewat petang cuaca diramalkan mendung, kemungkinan hujan turun hanya di satu dua tempat bermula hari ini hingga Jumaat.

Cuaca bagaimanapun diramal cerah keseluruhannya pada Sabtu, katanya kepada Bernama di sini hari ini.

LIMA `03 dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Balai Pameran Mahsuri Antarabangsa (MIEC) di Padang Matsirat, tempat berlangsungnya segmen pameran udara LIMA.

Segmen maritim diadakan di Awana Porto Malai, Mukim Kedawang yang terletak kira-kira 10 km dari MIEC.

-- BERNAMA

ZI MAD HK RON